



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

Keratan Akhbar

Berita Online

i

24 JAM

BERITA

KPDN

KERATAN AKHBAR & BERITA ONLINE

Untuk makluman:

- | | |
|-----------------------|---------------------|
| ● YB Menteri | ● YBhg. TKSU (PPDN) |
| ● YB Timbalan Menteri | ● YBhg. TKSU (PPP) |
| ● YBhg. KSU | ● Setiausaha Akhbar |

Tarikh: 24 OKTOBER 2023



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

KERATAN AKHBAR **KPDN**

Dua pemandu lori ditahan bersama 5,000 liter diesel

BUKIT MERTAJAM: Dua pemandu lori warga tempatan ditahan bersama 5,000 liter diesel bersubsidi yang dianggarkan bernilai lebih RM50,000 dalam dua serbuan berasingan di sini menerusi Op Tiris, bermula awal pagi kelmarin.

Pengarah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sarawak Hidup (KPDN) negeri, S. Jegan berkata, serbuan pertama dilakukan di sebuah stesen minyak di Juru kira-kira pukul 4.45 pagi.

Katanya, terdahulu sepasukan anggota penguat kuasa KPDN negeri mengesan dan menjelaki sebuah lori berwarna merah yang sedang mengisi minyak diesel di sebuah stesen minyak di sekitar kawasan berkenaan dalam keadaan mencungkakan.

Beliau berkata, semasa serbuan dijalankan, pihaknya menahan kenderaan tersebut bersama pemandu lori berusia 40-an yang sedang leka mengisi minyak diesel.

"Pemeriksaan kemudian menemukan enam unit tangki simpanan yang berkapasiti 1,000 liter di dalam lori tersebut."

“
Pemeriksaan
kemudian
menemukan
enam unit tangki
simpanan yang
berkapasiti 1,000
liter di dalam lori
tersebut.”

but yang digunakan untuk mengisi diesel," katanya di sini.

Katanya, serbuan kedua dilakukan kira-kira pukul 7.30 pagi hari sama di sebuah stesen minyak di sekitar Simpang Ampat, dekat sini.

Ketika itu, pihaknya mengejar sebuah lori berwarna putih dan seorang pemandu lori yang sedang mengisi diesel.

"Ketika cuba ditahan, pemandu berkenaan bertindak agresif dan melarikan diri serta merempuh kenderaan milik jabatan (KPDN Pulau Pinang).

"Namun hasil bantuan polis

dan Unit Risik KPDN, suspek berusia 40-an ditahan bersama lori yang dipandunya.

"Pemeriksaan lanjut mendapati, terdapat tiga tangki diesel di dalam kenderaan tersebut yang berkapasiti 1,000 liter setiap satu," katanya.

Secara keseluruhannya kata Jegan, jumlah diesel yang dirampas untuk kes pertama adalah sebanyak 4,800 liter selain barang sitaan untuk kes itu termasuk sebuah lori, dua set pam hos dan motor, sebuah telefon bimbit serta enam unit tangki 'intermediate bulk container' atau IBC yang dianggarkan bernilai RM39,119.

Katanya, bagi kes kedua, jumlah rampasan diesel sebanyak 600 liter bersama hasil sitaan beberapa barang lain seperti lori, pam motor dan hos serta telefon bimbit yang bernilai RM13,590 sekali gus menjadikan jumlah rampasan keseluruhan RM52,709.

Katanya, kes disiasat dibawah Akta Kawalan Bekalan 1961 dan jika sabit kesalahan bagi individu boleh dikenakan penalti sehingga RM1 juta atau penjara selama tiga tahun.

Dua pemandu lori ditahan, 5,400 liter diesel disita

GEORGETOWN - Dua pemandu lori ditahan bagi membantu siasatan berhubung kes penyelewengan diesel di dua stesen minyak di Juru dan Simpang Ampat pada 22 Oktober baru-baru ini.

Pengarah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sarawak (KPDN) Pulau Pinang, S Jegan berkata, kedua-dua pemandu berusia lingkungan 40-an itu ditahan dalam Ops Tiris yang dijalankan sembilan pegawai KPDN Pulau Pinang antara jam 4.45 pagi hingga 7.30 pada pagi Ahad.

Menurutnya, KPDN Pulau Pinang menyita 5,400 liter diesel dan beberapa rampasan lain bernilai RM52,709.

"Kita turut menyita dua lori, tiga set *motor pump and hose set*, enam tangki minyak dan dua telefon bimbit.

"Kes disiasat mengikut Akta Kawalan Bekalan 1961. Jika sabit kesalahan, boleh dikenakan penalti sehingga RM1 juta atau penjara tiga tahun atau kedua-duanya sekali bagi kesalahan pertama.

"Sementara bagi kesalahan kedua dan seterusnya, denda tidak melebihi RM3 juta atau penjara tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya," katanya dalam satu kenyataan pada Isnin.

Tambahnya, bagi pertubuhan atau perbadanan, denda tidak lebih RM2 juta bagi kesalahan pertama dan RM5 juta bagi kesalahan kedua dan seterusnya.

Beliau berkata, serbuan dijalankan hasil maklumat yang diperoleh daripada Unit Risik KPDN Pulau Pinang.


"Operasi dijalankan di dua lokasi berbeza iaitu yang pertama, kita menjelaki

sebuah lori berwarna merah dalam keadaan mencurigakan sedang mengisi minyak diesel di sebuah stesen minyak di sekitar Juru pada jam 4.45 pagi.

"Semasa serbuan, anggota berjaya menahan kenderaan itu dan pemeriksaan awal menemui enam tangki simpanan berkapasiti 1,000 liter yang digunakan untuk mengisi minyak diesel," katanya.

Menurutnya, operasi kedua puluh dijalankan di Simpang Ampat pada jam 7.30 pagi, hari sama.

Maklumat atau aduan boleh disalurkan menerusi *call centre* 1 800 886 800 atau WhatsApp KPDN di talian 019-279 4317.



Dua lori bersama 5,400 liter diesel disyaki diseleweng telah dirampas oleh KPDN Pulau Pinang dalam Ops Tiris pada Ahad.



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

BERITA ONLINE KPDN



UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

BERITA ONLINE BERTARIKH 24 OKTOBER 2023			
TARIKH	TAJUK	PAUTAN	MEDIA
24-Oct	Dua pemandu lori ditahan bersama 5,400 liter diesel	https://www.sinarharian.com.my/article/630931/berita/semasa/dua-pemandu-lori-ditahan-bersama-5400-liter-diesel	SH
24-Oct	Pemandu lori rempuh kereta penguat kuasa KPDN ketika cuba seleweng diesel	https://www.bernama.com/bm/jenayah_mahkamah/news.php?id=2237558	BERNAMA
24-Oct	Ops Tiris: 2 pemandu lori ditahan bersama lebih 5,000 liter diesel subsidi	https://www.utusan.com.my/nasional/2023/10/ops-tiris-2-pemandu-lori-ditahan-bersama-lebih-5000-liter-diesel-subsidi/	UM
24-Oct	Inisiatif Rahmah KPDN Tambah Baik Pelaksanaan Jualan Rahmah Tahun Depan	https://youtu.be/WeO5Ry-4mrY?si=J7DTOJ1ZpHQUGtf	BULETINTV3
24-Oct	Penternak ayam minta subsidi bersasar	https://www.utusan.com.my/nasional/2023/10/penternak-ayam-minta-subsidi-bersasar/	UM
24-Oct	Ayam, daging sejuk beku diragui status halal bernilai RM19 juta dirampas	https://www.sinarharian.com.my/article/630971/berita/semasa/ayam-daging-sejuk-beku-diragui-status-halal-bernilai-rm19-juta-dirampas	SH
24-Oct	Ubah suai lori seleweng diesel, dua pemandu lori ditahan	https://malaysiagazette.com/2023/10/23/ubah-suai-lori-seleweng-diesel-dua-pemandu-lori-ditahan/	MALAYSIAGAZETTE